



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT, SOLAT FARDU LIMA WAKTU DAN AKTIVITI PENGIMARAHAN DI MASJID, SURAU JUMAAT DAN SURAU WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2021

1. **Adakah masjid di Wilayah-Wilayah Persekutan melaksanakan solat Jumaat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan?**

Ya. Semua masjid, surau Jumaat serta surau yang telah diberikan kebenaran khas bagi solat Jumaat di Wilayah-Wilayah Persekutuan, melaksanakan solat Jumaat ketika PKP dikuatkuasakan mulai 13 Januari 2021.

2. **Berapakah bilangan jemaah yang dibenarkan melaksanakan solat Jumaat?**

Bilangan yang dibenarkan ialah **30 orang** termasuk khatib, imam, bilal dan anggota jawatankuasa.

3. **Bilakah pintu masjid mula dibuka untuk jemaah solat Jumaat?**

Pintu masjid dibuka 30 minit sebelum masuk waktu solat dan ditutup semula apabila azan pertama dilaungkan.

4. **Berapa lama tempoh masa pelaksanaan solat Jumaat?**

Tempoh masa bagi pelaksanaan solat fardu Jumaat dihadkan selama **tidak lebih 30 minit** bermula dari laungan azan pertama hingga selesai bacaan doa selepas solat.

5. Siapakah yang diutamakan hadir solat Jumaat?

Keutamaan solat Jumaat diberikan kepada ahli kariah dewasa yang bermastautin dalam kariah masjid itu.

6. Adakah bukan warganegara Malaysia boleh hadir solat Jumaat?

Tidak. Kehadiran solat Jumaat dibenarkan kepada **warganegara Malaysia** sahaja.

7. Adakah solat fardu lima waktu berjemaah dilaksanakan di masjid dan surau Wilayah-Wilayah Persekutan ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Ya, solat fardu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, solat berjemaah terhad kepada **lima (5) orang** sahaja yang terdiri daripada anggota jawatankuasa dan pegawai-pegawai masjid.

8. Adakah azan boleh dilaungkan sepanjang PKP?

Ya. Azan solat fardu lima waktu boleh dilaungkan dan diteruskan seperti biasa.

9. Sepanjang PKP, adakah aktiviti pengimarahannya dibenarkan?

Tidak. Semua aktiviti pengimarahannya adalah **ditangguhkan** sepanjang tempoh PKP. Walau bagaimanapun, aktiviti pengimarahannya seperti kuliah, ceramah dan seumpamanya boleh dilaksanakan secara dalam talian atau *FB live*.

10. Adakah pengurusan jenazah boleh dilakukan di masjid?

Ya. Pengurusan jenazah yang melibatkan kematian bukan COVID-19 adalah **dibenarkan** dilakukan di masjid, surau Jumaat atau surau.

11. Adakah dihadkan bilangan bagi menguruskan jenazah?

Ya. Untuk mandi dan kafan, dibenarkan tidak melebihi lima (5) orang, manakala solat jenazah, tidak melebihi 30 orang dengan penjarakan fizikal 1 meter.

12. Adakah ahli keluarga terdekat dibenarkan hadir?

Ya. Namun kehadiran ahli keluarga terdekat dihadkan tidak melebihi 10 orang, tidak termasuk petugas pengurusan jenazah.

13. Adakah musafir boleh menunaikan solat di masjid dan surau?

Ya. Dibenarkan.

14. Adakah orang lain selain musafir dibenarkan menunaikan solat fardu di masjid atau surau?

Ya. Mereka ialah pemandu teksi, pemandu *e-hailing*, penghantar makanan, penghantar barang atau sesiapa yang bekeperluan untuk solat menunaikan solat fardu di masjid dan surau.

15. Adakah musafir boleh menggunakan kemudahan bilik air di masjid dan surau?

Ya. Boleh.

16. Apakah tanggungjawab jemaah semasa hadir ke masjid?

Tanggungjawab Jemaah seperti berikut:

1. Membawa sejadah sendiri yang bersaiz standard;
2. Berwuduk sebelum hadir ke masjid atau surau;
3. Wajib memakai pelitup muka;
4. Membuat pemeriksaan suhu badan di pintu masuk;
5. Membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera;
6. Menggunakan pensanitasi tangan ketika hadir dan pulang;
7. Mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan

yang terkawal ketika masuk dan keluar;

8. Melaksanakan penjarakan fizikal di dalam dan luar masjid dan surau, sejauh 1 meter antara satu sama lain;

9. Elakkan bersalaman sesama yang hadir;

10. Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di masjid, surau Jumaat dan surau;

11. Meningkatkan kawalan sendiri.

TAMAT